

31 OCT 1998

Mahathir-Pekerja/I

KURANG PEKERJA ASING, KURANG ALIRAN KELUAR WANG, KATA DR M

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Negara boleh menjimatkan wang yang banyak dengan mengurangkan pergantungan kepada pekerja asing dan bilangan penuntut di luar negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Ini penting kerana tidak banyak yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menghalang pekerja asing menghantar pulang wang ke negara asal mereka ataupun menghalang rakyat Malaysia daripada pergi keluar negara, katanya.

"Dahulunya kita mempunyai ramai penuntut yang menuntut di luar negara tetapi kini kita mempunyai banyak program penggajian berkembar antara institusi-institusi pengajian tempatan dan asing yang membolehkan kita mengurangkan aliran keluar wang," kata beliau dalam sesi dialog dengan pengguna-pengguna pelabuhan untuk menggalakkan Pelabuhan Klang di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, ini juga bermaksud pendedahan yang tidak perlu kepada penuntut-penuntut kita akan berkurang.

"Pada satu masa dahulu kita berpendapat kita boleh membenarkan orang kita berada di luar negara untuk tempoh singkat supaya pandangan mereka lebih luas lagi, tetapi sejak kita mendapati budaya di luar negara telah berubah, mereka bukan lagi berciri Victorian tetapi kini dengan pandangan modern," katanya.

"Seperti Allahyarham Tunku Abdul Rahman (bekas Perdana Menteri pertama) yang berkata beliau tidak lagi dapat cam orang Inggeris. Bukan seperti orang-orang Inggeris yang beliau kenali semasa belajar di England. Beliau berkata mereka semuanya berambut panjang dan memakai subang. Beliau mendapati sukar untuk membezakan lelaki dan perempuan dari belakang," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya tidak ada banyak untuk dipelajari daripada budaya asing, dan oleh itu tidak perlu bagi orang ramai menghabiskan masa untuk mengetahui budaya-budaya berbeza di luar negara.

"Walau apa pun kita dapati penuntut-penuntut Melayu di luar negara hidup sesama mereka tanpa bercampur gaul dengan orang tempatan di situ. Penuntut Melayu moden tidak pergi ke pub yang sudah pasti baik. Tetapi mereka hidup sesama bagaikan hidup di kampung-kampung Melayu yang dieksport.

"Di samping itu mereka mengasingkan diri mengikut negeri asal mereka. Saya tahu penuntut dari Kelantan akan bersama penuntut-penuntut Kelantan yang lain, orang Kedah dengan orang Kedah, dan apabila mereka pulang mereka bertutur dalam dialek masing-masing. Jadi kita dapati tiada gunanya dan kita membawa mereka pulang. Ia menjimatkan duit yang banyak. Dua tahun dalam negara bukan sahaja akan mengurangkan kos pendidikan tetapi juga aliran keluar mata wang," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah melakukan lebih banyak daripada itu dengan mendirikan lebih banyak universiti supaya penuntut-penuntut boleh menamatkan penggajian tinggi mereka di dalam negara, kecuali mereka yang meneruskan dengan ijazah lanjutan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan juga mahu mengurangkan penggunaan pekerja asing dan oleh itu ekonomi negara telah disusun semula dengan tujuan mengurangkan pergantungan bagi mereka.

"Adalah diharapkan apabila kita dalam kedudukan lebih baik kita melabur di negara-negara lain untuk memberi pekerjaan kepada mereka berbanding membawa mereka ke sini untuk kerja-kerja gaji rendah dan mereka pula

menghantar pulang pendapatan mereka. Ini satu lagi punca aliran keluar mata wang," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, penggantungan kepada banyak pekerja asing juga membawa masalah sosial kepada negara.

"Saya diberitahu lelaki Bangladesh punca besar masalah. Mereka dikatakan tampan dan ramai gadis-gadis kita jatuh cinta dengan mereka. Tetapi gadis yang jatuh cinta dan mengahwini mereka enggan berpindah ke Bangladesh. Mereka mahu terus menetap di sini dan berharap suami mereka akan mendapat kerakyatan Malaysia, itu menimbulkan masalah.

"Tetapi objektif kita ialah mengurangkan aliran keluar mata wang kita, oleh itu kita boleh mengurangkan bilangan pekerja asing tetapi saya rasa kita tidak boleh menghentikan penggantungan terhadap mereka sama sekali," katanya.

Turut hadir dalam dialog itu ialah Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

-- BERNAMA

RV PR